

Kempen ASNB COVR (“Kempen”)

A) Terma dan Syarat

1. ASNB COVR adalah perkhidmatan baharu yang diperkenalkan di platform myASNB yang menawarkan pelaburan dalam unit amanah ASNB dengan gabungan pelan takaful. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”) dan Takaful Ikhlas Family Berhad (No. Pendaftaran 200201025412 (593075-U)) (“TIFB”).
2. Kempen ini akan bermula pada 25^{hb} Ogos 2025, jam 00:00 (GMT +8) dan akan berakhir pada 31^{hb} Januari 2026, jam 23:59 (GMT + 8) (“Tempoh Kempen”).
3. Pihak penganjur iaitu ASNB dan TIFB (“Penganjur”) berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Kempen mengikut budi bicara mutlak.
4. Dengan menyertai Kempen ini, peserta Kempen ini (“Peserta”) bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di bawah.

5. Kelayakan

- 5.1 Kempen ini merangkumi enam (6) cabutan pemilihan pemenang yang dijadualkan sepanjang Tempoh Kempen seperti berikut:

Pemilihan Pemenang	Tempoh Kempen				
	25 Ogos - 30 Sep 2025	1 - 31 Okt 2025	1 - 30 Nov 2025	1 - 31 Dis 2025	1 - 31 Jan 2026
Hadiah Bulanan	55 pemenang	55 pemenang	55 pemenang	55 pemenang	55 pemenang
Hadiah Utama					10 pemenang

- 5.2 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit baharu dan sedia ada bagi tabung-tabung unit Amanah ASNB yang dibenarkan di bawah ASNB COVR (“Unit Amanah ASNB”) termasuklah, semua kakitangan dan ahli keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kakitangan Kumpulan PNB dan TIFB. Walaubagaimanapun, bagi Cabutan Hadiah Utama, pemenang daripada kakitangan Kumpulan PNB dan TIFB akan **dihadkan kepada satu (1) pemenang sahaja**.

5.3 Peserta mesti memenuhi syarat-syarat minimum berikut untuk layak menyertai Kempen ini:

5.3.1 Cabutan Bulanan

Peserta hendaklah melanggan sekurang-kurangnya pelan ASNB COVR 120 untuk mendapat 1 tiket penyertaan. Tiket penyertaan ini akan diberikan bagi potongan bulanan yang berjaya sahaja.

INFO	PELAN ASNB COVR				
	COVR 40	COVR 80	COVR 120	COVR 160	COVR 200
Potongan untuk Unit Amanah ASNB	30	60	90	120	150
Caruman Takaful	10	20	30	40	50
Jumlah tiket kelayakan	Tidak layak	Tidak layak	1	2	3

5.3.2 Cabutan Hadiah Utama

Syarat Minimum	Jumlah tiket penyertaan
i. Melanggan sekurang-kurangnya pelan ASNB COVR 120, ASNB COVR 160 dan ASNB COVR 200; dan ii. Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) kali potongan bulanan bagi pelan ASNB COVR sepanjang tempoh kempen berlangsung	Jumlah semua tiket penyertaan sepanjang Tempoh kempen

5.4 Bagi tujuan Kempen ini, tempoh (“Tempoh”) yang dinyatakan bagi setiap cabutan ditakrifkan seperti berikut:

Cabutan	Tempoh
Cabutan Bulanan	Dari hari pertama sehingga hari terakhir bagi setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen
Cabutan Hadiah Utama	Dari 25 ^{hb} Ogos 2025 sehingga 31 ^{hb} Januari 2026

Nota: Sila rujuk Lampiran untuk ilustrasi senario

6. Hadiah Kempen

6.1 Bagi setiap cabutan, Kempen ini menawarkan hadiah seperti berikut:

Cabutan	Hadiah
Cabutan Bulanan	Unit Amanah ASNB bernilai RM200
Cabutan Hadiah Utama	Unit Amanah ASNB bernilai RM3,000

6.2 Hadiah akan dikreditkan dalam akaun unit amanah yang dipilih semasa membuat potongan pelan ASNB COVR.

7. Pemilihan Pemenang

7.1 Pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh pihak Penganjur.

7.2 Bagi Cabutan Bulanan, Peserta hanya layak menang sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

7.3 Peserta yang telah memenangi Cabutan Bulanan juga layak untuk Cabutan Hadiah Utama mengikut syarat minimum yang telah ditetapkan oleh pihak Penganjur.

7.4 Hadiah akan dikreditkan dalam akaun unit amanah ASNB milik pemenang dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat setiap tempoh cabutan dan/atau selepas sebarang keperluan yang berkaitan dengan pengkreditan unit dipenuhi.

7.5 Hadiah adalah dalam bentuk unit amanah ASNB sahaja dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak untuk menawarkan hadiah dalam mana-mana tabung unit amanahnya tertakluk kepada kelayakan pemenang untuk melabur dalam tabung unit amanah tersebut, atas sebarang tertentu mengikut budi bicara mutlaknya.

7.6 Pemenang akan diumumkan melalui media sosial pihak Penganjur, laman web, dan/atau mana-mana saluran komunikasi lain yang bersesuaian, mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.

B) Terma dan Syarat Am

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk:
 - 1.1 mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada pihak Penganjur semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") mengikut dasar privasi pihak Penganjur yang dinyatakan di laman web rasmi ASNB di www.asnb.com.my, TIFB di www.takaful-ikhlas.com.my; dan
 - 1.2 mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi antara Kumpulan PNB, Syarikat TIFB dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menjaga kerahsiaan Data Peribadi anda) untuk tujuan menyediakan produk dan Perkhidmatan kami atau mana-mana perkhidmatan berkaitan dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan mengikut keperluan undang-undang yang relevan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
2. Semua Pemenang Kempen ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang terpakai berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul dengan Kempen ini.
4. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah pihak Penganjur.
5. Pihak Penganjur berhak untuk menentukan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak memenuhi kelayakan dan kriteria atau gagal mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan adalah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan salah laku dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen ini.
6. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.

7. Pihak Penganjur berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk meminda, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat ini, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta.
8. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, penghapusan, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada bercetak atau elektronik.
9. Sebarang keputusan oleh pihak Penganjur bagi senarai pemenang Kempen ini yang layak menerima hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
10. Sekiranya pemenang Kempen ini tidak memberi maklum balas/gagal dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh pihak penganjur melalui mana-mana saluran komunikasi yang bersesuaian, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.
11. Terma dan syarat Kempen ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
12. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

C) Lampiran : Contoh senario bagi Jumlah Tiket Penyertaan

Senario 1: Kempen Cabutan Bulanan

Encik Ali telah melanggan pelan ASNB COVR pada bulan Ogos iaitu COVR 200 bagi dirinya, COVR 160 isterinya Puan Rina, dan COVR 120 untuk ketiga-tiga (3) orang anaknya iaitu Hafiz, Ariz dan Aisha. Jumlah penyertaan mereka adalah mengikut seperti pelan yang dipilih. Setiap langganan mereka telah mengumpulkan penyertaan seperti jadual dibawah:

Senario	Peserta				
	Ali 48 tahun	Rina 45 tahun	Hafiz 15 tahun	Ariz 12 tahun	Aisha 9 tahun
Pelan	ASNB COVR 200	ASNB COVR 160	ASNB COVR 120	ASNB COVR 120	ASNB COVR 120
Potongan untuk Unit Amanah ASNB	150	120	90	90	90
Caruman Takaful	50	40	30	30	30
Memenuhi kriteria dipenuhi?	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
Jumlah tiket kelayakan	3	2	1	1	1

Nota: Setiap peserta boleh melanggan satu pelan pada satu masa. Bagi melayakkan diri untuk menyertai cabutan bulanan, peserta hendaklah melanggan sekurang-kurangnya pelan ASNB COVR 120.

Senario 2: Kempen Cabutan Hadiah Utama

Encik Ali: melanggan pelan yang sama iaitu COVR 200 sepanjang tempoh kempen dari Ogos sehingga Disember.

Puan Rina: hanya melanggan COVR 160 dari Ogos sehingga September dan membatalkan langganan pada bulan 31^{hb} Oktober.

Hafiz dan Ariz: En Ali telah melaksanakan penukaran pelan dari COVR 120 kepada COVR 80 pada bulan September.

Aisha: En Ali telah melaksanakan penukaran pelan daripada COVR 120 kepada COVR 80 pada bulan November.

Senario	Tempoh Potongan					Memenuhi kempen kriteria?	Jumlah Penyertaan
	2025				2026		
	25/8	1/10	1/11	1/12	1/1		
	– 30/9	– 31/10	– 30/11	– 31/12	– 31/1		
Ali	/	/	/	/	/	YA	Jumlah Penyertaan = 3+3+3+3+3 = 15 (5 potongan berjaya bagi ASNB COVR 200)
Rina	/	/	x	x	x	TIDAK	Tidak layak kerana hanya mempunyai 2 potongan sepanjang tempoh kempen
Hafiz	/	/	/	/	/	TIDAK	Tidak layak kerana penukaran pelan yang tidak menepati syarat minima kempen
Ariz	/	/	/	/	/	TIDAK	
Aisha	/	/	/	/	/	YA	Jumlah Penyertaan = 1+1+1 = 3 (3 potongan berjaya bagi ASNB COVR 120)

Nota: Setiap peserta layak menyertai Cabutan Hadiah Utama sekiranya mereka telah mempunyai sekurang-kurangnya tiga potongan bulanan sepanjang tempoh kempen dan melanggan sekurang-kurangnya COVR 120. Berdasarkan kepada syarat minima kempen, hanya **Encik Ali dan Aisha sahaja yang layak** untuk menyertai Cabutan Hadiah Utama dengan jumlah penyertaan terkumpul oleh Encik Ali sebanyak 15 penyertaan dan Aisha sebanyak 3 penyertaan.